

**SKIM PERKHIDMATAN  
JURUTERA**

**KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

**Gred**

**Jadual Gaji Matriks**

**Gred J41** : P1T1 RM2088.25 - P1T23 RM4721.03

**SYARAT LANTIKAN** Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred J41: P1T1)

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU** Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT TAMBAHAN** Keutamaan diberikan kepada calon-calon yang memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pembinaan atau kejuruteraan awam;
- (b) pengalaman bekerja di dalam bidang kejuruteraan terutama berkaitan dengan pembinaan substruktur, struktur konkrit bertetulang, rekabentuk struktur besi serta kerja arkitek;
- (c) kebolehan menguruskan projek, kontrak perjanjian serta belanjawan;
- (d) kebolehan menggunakan perisian komputer berkaitan bidang kejuruteraan seperti *scheduling* (penjadualan) serta *project management* (pengurusan projek); dan
- (e) kebolehan bertutur dan menulis dengan baik dalam Bahasa Inggeris.